



**JABATAN PERHUTANAN NEGERI,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**DOKUMEN SEBUT HARGA
PHN.NS.SH 26/2020**

**MENGELUARKAN PELBAGAI JENIS ROTAN DI
DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL
DI NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 2020
NO. TAWARAN R1/20
KOMPT. 74, H.S. TRIANG, JELEBU**

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA:

**23 SEPTEMBER 2020 (RABU)
JAM 12.00 TENGAHARI**

PERHATIAN

Pembida yang berminat dinasihatkan agar meneliti dokumen sebut harga ini secara teliti dan terperinci sebelum menyertai sebut harga ini bagi mengelakkan salah tafsiran, keciciran maklumat dan kegagalan untuk menyempurnakan kerja yang dikehendaki dan seterusnya menyebabkan pembida dikenakan penalti/denda atau disenaraihitamkan.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

1.	Kenyataan Sebut Harga		3-4
2.	Lampiran Q		5-8
3.	Lampiran A	- Arahan Kepada Pembida	9-12
4.	Lampiran B	- Syarat-Syarat Sebut harga	13-19
5.	Lampiran C	- Surat Akuan Pembida	20
6.	Lampiran D	- Borang Akuan Sebut harga	21-22
7.	Lampiran E	- Jadual Tawaran Harga	23
8.	Lampiran F	- Jadual Pematuhan Spesifikasi	24-25
9.	Lampiran G	- Keterangan Mengenai Pembida	26-28
10.	Lampiran H	- Pengalaman Pembida	29
11.	Lampiran I	- Kerja-Kerja Semasa Yang Sedang Djalankan	30
13.	Senarai Semak		31-32

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

JABATAN PERHUTANAN NEGERI NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada individu atau syarikat yang berminat untuk menyertai Sebut harga **PHN.NS.SH 26/2020 – Mengeluarkan Pelbagai Jenis Rotan di dalam Hutan Simpanan Kekal di Negeri Sembilan bagi Tahun 2020**. Pecahan setiap tawaran adalah mengikut blok seperti senarai di Jadual 1:

Jadual 1

Bil.	No. Tawaran	Kompt/Hutan Simpan	Luas (hektar)	Deposit Tawaran (RM)	Tarikh Sebut harga ditutup
1.	R1/20	Kompt. 74, H.S. Triang, Jelebu	± 100	20% daripada Harga Tawaran	23 Sept 2020 (Rabu). Tidak lewat pada jam 12.00 tengahari
2.	R2/20	Kompt. 76, H.S. Triang, Jelebu	± 100	20% daripada Harga Tawaran	
3.	R3/20	Kompt. 77, H.S. Triang, Jelebu	± 100	20% daripada Harga Tawaran	
4.	R4/20	Kompt. 78, H.S. Triang, Jelebu	± 100	20% daripada Harga Tawaran	
5.	R5/20	Kompt. 79, H.S. Triang, Jelebu	± 100	20% daripada Harga Tawaran	

- Dokumen sebut harga ini dijual dengan harga **RM30.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Sahaja)** bagi setiap no. tawaran. Bayaran boleh dibuat secara **PERBANKAN INTERNET** atau di kaunter hasil seperti berikut :
 - No. Akaun : **8004433398 (CIMB Bank)** atas nama **BENDAHARI NEGERI NS- AKAUN TERIMAAN**
 - Pembida **DIWAJIBKAN** mengisi maklumat kod bayaran seperti yang berikut:
 - Rujukan 1 : No. Tawaran/No.Sebut harga (cth: **R2/20/PHN.NS...**)
 - Rujukan 2 : Nama Syarikat
 - Slip bayaran hendaklah dikepilkan bersama dokumen sebut harga sewaktu serahan
- Pelan kawasan bagi setiap No. Tawaran boleh diperolehi di Kaunter Hasil Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan mulai 8 September 2020 (Selasa) dengan bayaran sebanyak RM10.00 bagi setiap pelan.
- Perlu diingatkan bahawa pelan kawasan bagi setiap No. Tawaran ini **TIDAK DIJAMIN KETEPATAN LUAS** serta **LOKASINYA** dan adalah berdasarkan kepada **SUKATAN SEMENTARA** sahaja. Ketepatan luas dan lokasi akan ditetapkan dilapangan semasa kerja-kerja penandaan dan pengesahan sempadan dijalankan.

4. Bagi pembida yang berminat, lawatan tapak boleh dijalankan mengikut masa sendiri mulai tarikh iklan ini dan perlu berurusan dengan pihak Pejabat Hutan Daerah berkenaan bagi tujuan tersebut. Pembida hendaklah menyediakan kenderaan sendiri untuk ke lokasi berkenaan.
5. Harga yang ditawarkan termasuk Bayaran Premium sahaja tetapi **TIDAK TERMASUK** harga royalti, ses dan lain-lain bayaran Lesen Mengambil Hasil Hutan (Borang 1) serta lain-lain bayaran yang berkaitan.
6. Deposit Tawaran hendaklah disediakan **BERASINGAN MENGIKUT NO. TAWARAN** dalam bentuk kiriman wang/wang pos/draf bank atau *Cashier's Order* sahaja atas nama **BENDAHARI NEGERI SEMBILAN** dan mempunyai tempoh sah laku sekurang-kurangnya enam (6) bulan. Sila catatkan Nama Penuh, No. Kad Pengenalan, Alamat, No. Sebut harga dan No. Tawaran di belakang kiriman wang/wang pos/draf bank atau *Cashier's Order*.
7. Cek persendirian/syarikat dan wang tunai tidak akan dilayan.
8. Tawaran hendaklah dibuat secara berasingan mengikut No. Tawaran menggunakan Borang Tawaran yang telah disediakan sahaja. Borang Tawaran hanya boleh dimuat turun di pautan <http://forestry.ns.gov.my> mulai **8 September 2020 (Selasa)**.
9. Dokumen sebut harga yang telah diisi perlu dimasukkan dalam sampul surat yang dimeterikan dan dialamatkan kepada Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan dengan ditulis pada sudut kiri di sebelah atas **nombor tawaran sebut harga yang ditawarkan**. Sampul surat berkenaan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang disediakan di Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Malek, 70503 Seremban, Negeri Sembilan **sebelum atau pada 23 September 2020 (Rabu) jam 12.00 tengahari**.
10. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Jabatan juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran ini sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
11. Sebarang pertanyaan mengenai dokumen sebut harga ini boleh menghubungi pegawai berkenaan iaitu En. Khairul Anwar bin Mustapa, Pen. Pengarah (Industri dan Pengusahaan Hutan) di talian pejabat 06-7659849

Tarikh : 4 September 2020

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

No. Sebut Harga :
R1/20 PHN.NS.SH 26/2020

(Kew. 284-Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat)

.....

.....

No. Tel:

No. Pendaftaran dengan Kementerian

Kewangan: - tidak berkaitan -

Pelawaan Sebut harga dikeluarkan
oleh ~~Kementerian~~/ Jabatan

Jabatan Perhutanan Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus,
Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri,
Jalan Dato' Abdul Malek,
70503 SEREMBAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

No. Telefon: 06-7659849/7659875

Tarikh: 4 September 2020

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan perkhidmatan ini :

Tidak berkaitan

1. Sila beri Sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1. Syarat penyempurnaan : (Sila lihat Arahan kepada Pembida)
 - 1.2. Tarikh penyempurnaan : Dua Belas (12) bulan dari tarikh pemberian lesen
 - 1.3. Arahan pengiriman : -tidak berkaitan-

R1/20 PHN.NS.SH 26/2020

- 1.4. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor Sebut harga **No. Sebut harga: R1/20 PHN.NS.SH 26/2020**
- 1.5. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada **23 September 2020 (Rabu) sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari.**
- 1.6. Tempoh sah laku Sebut harga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.

Tarikh:

Tandatangan:

Nama Pegawai:

Jawatan:

Bil.	Perihal bekalan/ perkhidmatan dan Syarat- Syarat Khas	No. Tawaran/ Lokasi	Luas (hektar)	Harga Tawaran (RM)
Diisi oleh kementerian/jabatan				Diisi oleh pembida
1.	Mengeluarkan Pelbagai Jenis Rotan di dalam Hutan Simpanan Kekal di Negeri Sembilan bagi Tahun 2020	R1/20 / Kompt. 74, H.S. Triang, Jelebu	± 100	
HARGA KESELURUHAN				
(Dalam Perkataan Ringgit Malaysia):				
.....				
.....				
.....				

(i) Harga yang ditawarkan tidak termasuk harga royalti, ses dan lain-lain bayaran Lesen Mengambil Hasil Hutan (Borang 1); dan

(ii) Tarikh penyempurnaan : 12 bulan

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk melaksanakan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan

Pembida

Nama dan K/P :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

ARAHAN KEPADA PEMBIDA

MENGELUARKAN PELBAGAI JENIS ROTAN DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL DI NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 2020 (R1/20 PHN.NS.SH 26/2020)

Pembida hendaklah mematuhi syarat-syarat ini sepenuhnya apabila menyertai Sebut harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebut harga tidak dipertimbangkan dan terus ditolak.

1. PERIHAL SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada mana-mana individu atau syarikat yang berminat untuk menyertai Sebut harga **PHN.NS.SH 26/2020 - Mengeluarkan Pelbagai Jenis Rotan di dalam Hutan Simpanan Kekal di Negeri Sembilan bagi Tahun 2020 bagi No. Tawaran R1/20 Kompt. 74, H.S. Triang, Jelebu seluas \pm 100 hektar.**

2. CADANGAN SEBUT HARGA

- 2.1 Pembida hanya dibenarkan menghantar **SATU (1)** cadangan sahaja bagi sebut harga yang ditawarkan mengikut No. Tawaran yang disertai.
- 2.2 Tawaran sebut harga yang lengkap dan sempurna diisi hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan sebelum tarikh dan waktu tutup sebut harga. Peti sebut harga ditempatkan di **Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Tingkat 4 Blok C, Wisma Negeri, 70503 SEREMBAN.**
- 2.3 Penghantaran dokumen tawaran sebut harga hendaklah tiba di alamat ini **sebelum 12.00 tengahari pada tarikh tutup** sebut harga. Kelewatan menghantar dokumen tawaran sebut harga tidak akan dilayan.
- 2.4 Semua pembida hendaklah mematuhi sepenuhnya semua syarat ini apabila menyertai sebut harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan, menyebabkan sebut harga tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak.
- 2.5 Kos penyertaan sebut harga dan penyediaan dokumen sebut harga adalah ditanggung sendiri oleh pembida. Jabatan tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa jua kos yang terlibat.

3. JANGKA MASA SAH LAKU SEBUT HARGA

Tawaran sebut harga ini sah selama **sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup** sebut harga. Pembida tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah Sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya pembida menarik balik Sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

4. CADANGAN HARGA

- 4.1 Harga bagi semua perkara yang disebut hargakan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan hendaklah termasuk semua kos yang terlibat. Harga ini mestilah sah laku (valid) dalam tempoh 90 hari daripada tempoh sebut harga.
- 4.2 Harga-harga yang ditawarkan adalah **tidak termasuk** harga royalti, ses dan lain-lain bayaran Lesen Mengambil Hasil Hutan (Borang 1).
- 4.3 Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ditutup, dan akan berkuatkuasa selama tempoh sahlaku sebut harga.
- 4.4 Baki bayaran harga tawaran, bayaran deposit lesen, penyediaan dan pengesahan sempadan serta proses pelesenan perlu dibayar oleh pembida yang berjaya dalam tempoh 30 hari dari tarikh Surat Setuju Terima Sebut Harga yang dikeluarkan. Sekiranya gagal berbuat demikian, deposit tawaran yang telah dijelaskan akan dirampas dan dijadikan hasil Kerajaan Negeri.

5. DEPOSIT TAWARAN

- 5.1 Deposit Tawaran hendaklah disediakan **BERASINGAN MENGIKUT NO. TAWARAN** dalam bentuk kiriman wang/wang pos/draf bank atau *Cashier's Order* sahaja atas nama **BENDAHARI NEGERI SEMBILAN** dan mempunyai tempoh sah laku sekurang-kurangnya enam (6) bulan. Sila catatkan Nama Penuh, No. Kad Pengenalan, Alamat, No. Sebut harga dan No. Tawaran di belakang kiriman wang/wang pos/draf bank atau *Cashier's Order*.
- 5.2 Cek persendirian/syarikat dan wang tunai tidak akan dilayan.
- 5.3 Deposit Tawaran yang disediakan berasingan mengikut No. Tawaran yang disertai hendaklah disertakan bersama Dokumen Sebut Harga.

6. DOKUMEN SEBUT HARGA

- 6.1 Sebut harga hendaklah dibuat di atas borang-borang **ASAL** yang telah disediakan dan selepas ini dipanggil dokumen sebut harga. Dokumen Sebut harga yang lengkap hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

Lampiran Q	
Lampiran A	- Arahan Kepada Pembida
Lampiran B	- Syarat-Syarat Sebut harga
Lampiran C	- Surat Akuan Pembida
Lampiran D	- Borang Akuan Sebut harga
Lampiran E	- Jadual Tawaran Harga

Lampiran F - Keterangan Mengenai Pembida
Salinan Kad Pengenalan (bagi pembida dari individu sahaja)
Salinan SSM (bagi pembida dari syarikat sahaja)
Deposit Tawaran (mengikut No. Tawaran yang disertai)
Senarai Semak

6.2 Tawaran sebut harga bagi satu No. Tawaran hendaklah menggunakan Dokumen Sebut harga yang berasingan.

7. PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN SEMASA PENGISIAN DOKUMEN

Semua pembetulan/pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat terutamanya dalam Jadual Harga dan Surat Akuan Pembida hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang menandatangani dokumen Sebut harga serta dicopkan dengan cop Pembida (syarikat). Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentangan dengan kesilapan yang dibetulkan/dipinda. Pembetulan/pindaan hendaklah dibuat dengan jelas supaya mudah dibaca.

8. PINDAAN DOKUMEN SEBUT HARGA SEBELUM TARIKH TUTUP SEBUT HARGA

Pihak Kerajaan berhak pada bila-bila masa sebelum tarikh tutup sebut harga meminda dokumen sebut harga dalam menyediakan Addendum. Kerajaan akan memberi notis bertulis kepada pembida yang telah membeli dokumen sebut harga.

9. PEMBERITAHUAN TAWARAN

Kerajaan akan memberi notis bertulis dalam bentuk Surat Setuju Terima sebut harga kepada pembida yang berjaya apabila sebut harganya dipersetujui dalam jangka masa sahlaku sebut harga atau jangka masa tambahan yang terlibat.

10. PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

10.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

10.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

11. SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

- 11.1 Kerajaan tidak terikat mempersetujui terima sebut harga yang tertinggi atau mana-mana sebut harga jua pun. Keputusan Sebut harga adalah muktamad. Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan (JPNNS) tidak akan melayan sebarang surat-menyurat yang berupa rayuan dari mana-mana pembida berkenaan disebabkan sebut harga mereka tidak berjaya.
- 11.2 Pembida yang berjaya dikehendaki menandatangani satu Surat Setuju Terima dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam Surat Setuju Terima tersebut.

12. PERTIKAIAN

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara Jabatan dengan Pembida yang berjaya mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara Jabatan dengan Pembida yang berjaya, dirujuk kepada pertimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh Jabatan dan seorang oleh Pembida yang berjaya. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

13. IKLAN

Tiada maklumat mengenai kontrak ini boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau media pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telah diluluskan oleh Jabatan terlebih dahulu.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

MENGELUARKAN PELBAGAI JENIS ROTAN DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL DI NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 2020

SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. Pengeluaran hasil kecil hutan yang dibenarkan di kawasan yang diluluskan adalah mengikut jenis pengeluaran yang diluluskan sahaja iaitu **rotan**;
2. Tempoh pengeluaran adalah selama **12 bulan sahaja** dari tarikh pemberian lesen dan tiada sebarang pelanjutan tempoh bagi lesen ini;
3. Tidak dibenarkan membuat sebarang pengeluaran hasil hutan lain selain daripada yang diluluskan;
4. Kawasan kerja yang sebenar akan ditentukan di lapangan setelah selesai kerja-kerja penandaan dan pengesahan sempadan kerja;
5. Tidak dibenarkan menambah/ menceroboh selain kawasan kelulusan sebagaimana dibenarkan tanpa kebenaran Pengarah Perhutanan Negeri;
6. Pengeluaran rotan ini tertakluk kepada Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985, Kaedah-Kaedah Hutan 1992 dan syarat-syarat lain yang berkaitan;
7. Kebenaran bertulis untuk memulakan kerja mengeluarkan rotan hanya diberi selepas semua bayaran lesen, alatan/jentera, dan sub-lesen didaftarkan serta telah dijelaskan bayarannya;
8. Lesen yang akan dikeluarkan itu tidaklah boleh dipinjam atau disandar atau ditukar milik atau pun diberi Surat Kuasa (Power-Of-Attorney) kepada pihak yang lain;
9. Pembida adalah diingatkan dan dinasihatkan agar terlebih dahulu memastikan bahawa pembida telah benar-benar berpuas hati dengan keadaan isi kandungan rotan yang terdapat dalam kawasan yang diluluskan ini sebelum menjelaskan bayaran-bayaran yang ditetapkan;
10. Kerajaan Negeri atau Jabatan Perhutanan tidak terikat untuk menimbangkan sebarang rayuan untuk menukar kawasan atau mendapatkan kawasan ganti

sekiranya kawasan yang ditawarkan ini atau mana-mana bahagiannya adalah kurang atau tidak berhasil;

11. Pembida hendaklah menguruskan sendiri jalan pengeluaran utama yang terlibat dengan tanah kerajaan, rancangan tanah Felda, kawasan kampung dan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan termasuk jalan-jalan JKR yang akan digunakan; dan
12. Pembida perlu mematuhi syarat-syarat lain yang akan dikenakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan (JPNNS) dari semasa ke semasa.
13. Jika terdapat sebarang konflik atau isu yang timbul berhubung pengeluaran rotan ini, bukanlah tanggungjawab Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan (JPNNS).

SURAT AKUAN PEMBIDA

NO. TAWARAN : R1/20 (KOMPT. 74, H.S. TRIANG, JELEBU)

NO. SEBUT HARGA: PHN.NS.SH 26/2020

SEBUT HARGA MENGELUARKAN PELBAGAI JENIS ROTAN DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL DI NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 2020

Saya,..... Nombor K.P yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga /sebut harga* seperti di atas, maka saya / saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana- mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

- Catatan:
- i) *Potong mana yang tidak berkenaan.
 - ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

BORANG AKUAN SEBUT HARGA

Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan
Tingkat 4 Blok C
Wisma Negeri
70503 SEREMBAN

Tuan,

NO. TAWARAN : R1/20 (KOMPT. 74, H.S. TRIANG, JELEBU); PHN.NS.SH 26/2020 - SEBUT HARGA MENGELUARKAN PELBAGAI JENIS ROTAN DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL DI NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 2020

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa saya/Syarikat _____ mengesahkan mengambil bahagian dalam **NO. TAWARAN : R1/20; SEBUT HARGA PHN.NS.SH 26/2020** untuk **MENGELUARKAN PELBAGAI JENIS ROTAN DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL DI NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 2020**.
3. Saya/Syarikat sebagai pembida dengan ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat sebut harga, kontrak dan penentuan kerja yang terkandung dalam dokumen sebut harga. Saya/Syarikat telah memahami bahawa Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan (JPNS) berhak menerima atau menolak sebut harga ini sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dalam harga tawaran lain.
4. Saya/Syarikat bersetuju bahawa sebut harga yang ditawarkan ini laku (valid) selama sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebut harga. Dalam tempoh tersebut syarikat tidak boleh menarik diri daripada tawaran ini.
5. Saya/Syarikat bersetuju harga yang ditawarkan sebagai asas perkiraan bagi penawaran harga di atas sebut harga ini dan tidak termasuk harga royalti, ses dan lain-lain bayaran Lesen Mengambil Hasil Hutan (Borang 1).
6. Saya/Syarikat telah memeriksa dan berpuashati dengan isi kandungan kawasan berkenaan dan harga yang ditawarkan adalah muktamad. Saya/Syarikat berjanji tidak akan merayu dan memohon sebarang kawasan ganti ke atas kawasan yang tidak berusahasil atau untuk mengurangkan harga tawaran.

7. Kami yang bertandatangan di bawah ini setelah meneliti dan menyemak segala dokumen sebut harga serta syarat dan peraturan seperti yang dinyatakan adalah dengan ini bersetuju mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak JPNS dengan tawaran harga seperti berikut:

Jumlah Keseluruhan **RM**.....

(Dalam Perkataan Ringgit Malaysia)

.....
.....

* (Harga yang dinyatakan hendaklah sama seperti di **Lampiran E (Jadual Tawaran Harga)**). Butir-butir lanjut mengenai sebut harga ini adalah seperti yang dinyatakan di Ringkasan Sebut harga.

(Tandatangan Orang yang diberi Kuasa)

Nama : _____

No. Kad
Pengenalan : _____

Jawatan : _____

Cop Syarikat

Tarikh : _____

Nama Saksi : _____

No. Kad
Pengenalan : _____

Jawatan : _____

Tandatangan Saksi

Alamat : _____

Tarikh : _____

JADUAL TAWARAN HARGA

BIL.	DESKRIPSI KERJA	No. Tawaran / Lokasi	Luas (hektar)	HARGA TAWARAN (RM)
1.	Mengeluarkan Pelbagai Jenis Rotan di dalam Hutan Simpanan Kekal di Negeri Sembilan bagi Tahun 2020	R1/20 / Kompt. 74, H.S. Triang, Jelebu	± 100	
JUMLAH (RM)				

- a. Tarikh penyempurnaan : **12 BULAN** (selepas lesen dikeluarkan)
- b. Harga Tawaran : **Ringgit Malaysia**
-

Dengan ini saya mengesahkan bahawa penerangan di atas adalah benar dan semua harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos yang akan ditanggung oleh saya/Syarikat tetapi tidak termasuk harga royalti, ses dan lain-lain bayaran Lesen Mengambil Hasil Hutan (Borang 1) yang perlu dibayar sebagaimana termaktub dalam Kaedah-kaedah Hutan 1992 serta apa-apa fi yang berkaitan yang berkuat kuasa.

.....

(Tandatangan)

Nama :

Cop syarikat :

No. Kad Pengenalan

KETERANGAN MENGENAI PEMBIDA

1. **NAMA PEMBIDA:**
(Individu/Syarikat)
2. **NO. K.P/NO. PENDAFTARAN SYARIKAT:**
3. **ALAMAT PEMBIDA:**

4. **TELEFON PEMBIDA:**
i. No. telefon : _____ ii. Telefon Bimbit : _____
iii. Fax : _____
5. **MODAL PENYEBUT HARGA:** (Isi mana yang berkenaan sahaja)
5.1. Perseorangan/Perkongsi : RM _____
5.2. Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.)/Berhad (Bhd) :
5.2.1. Modal Dibenar : RM _____
5.2.2. Modal Dibayar : RM _____
6. **BUTIR-BUTIR PEMILIKAN (OWNERSHIP)**
- 6.1. Perseorangan:
Nama Pemilik: _____
No. K/P: _____
- 6.2. Perkongsian:
- | Nama Pekongsi | No. K/Pengenalan | % Kongsi |
|---------------|------------------|----------|
| | | |
| | | |
| | | |
- *Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi
- 6.3. Sendirian Berhad/Berhad
- | Nama Pemegang Saham | No. K/Pengenalan | % Bahagian |
|---------------------|------------------|------------|
| | | |
| | | |
| | | |
- *Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi

7. BUTIR-BUTIR ALAT JENTERA DAN PERKAKASAN YANG DIPUNYAI OLEH INDIVIDU/SYARIKAT

Bil.	Jenis Jentera	Bil. Jentera	Sewa / Sendiri	No. Pendaftaran
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				

*Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi

8. AKAUN BANK INDIVIDU/SYARIKAT

Nama Bank :

No. Akaun :

Nama Cawangan :

Nilai Aset Semasa :

9. PENGALAMAN INDIVIDU/SYARIKAT

Senarai pengalaman dalam pembalakan atau usahasil keluaran hutan lain oleh individu/syarikat

Bil.	No. Permit/Lesen	Luas (hektar)	Lokasi	Tarikh Mula	Tarikh Tamat
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					

*Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi

10. KERJA-KERJA SEMASA YANG SEDANG DIJALANKAN

Bil.	No. Permit/Lesen	Luas (hektar)	Lokasi	Tarikh Mula	Tarikh Tamat
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					

*Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi

11. KILANG PEMROSESAN (jika ada)

Jenis Kilang :

Nama Kilang :

No. Lesen :

Tarikh Tamat Lesen :

12. CADANGAN MENGUSAHASILKAN KAWASAN

12.1 Pekerja

Bilangan Bumiputera :

Bilangan Bukan Bumiputera :

12.2 Modal

Peratus Bumiputera :

Peratus Bukan Bumiputera :

**12.3 Pengusahasilan dijalankan secara : Sendiri / Perkongsian / Kontrak /
Komisyen dan lain-lain* (potong mana yang tidak berkenaan)**

SENARAI SEMAK

Sila Tandakan (/) bagi dokumen-dokumen yang disertakan:

Bil.	Perkara/ Dokumen	Untuk Ditanda oleh Individu/Syarikat	Untuk Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga	
			Pengerusi	Ahli
1	Lampiran Q			
2	Lampiran A - Arahan Kepada Pembida			
3	Lampiran B - Syarat-Syarat Sebut harga			
4	Lampiran C - Surat Akuan Pembida			
5	Lampiran D - Borang Akuan Sebut harga			
6	Lampiran E - Jadual Tawaran Harga			
7	Lampiran F - Keterangan Mengenai Pembida			
8	Salinan Kad Pengenalan (Individu)			
9	Salinan SSM (Syarikat)			
10	Deposit Tawaran (20% dari harga tawaran)			
11	Resit Bayaran pembelian dokumen sebut harga dan pelan kawasan			

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN	
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.	Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada).	
Tandatangan:	Tandatangan (1):	Tandatangan (2):
Nama:	Nama:	Nama:
Jawatan:	Jawatan:	Jawatan:
Tarikh	Tarikh:	Tarikh: